



NEGERI PAHANG

TAMBAHAN PERUNDANGAN

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
Phg. P.U.10/2000
UNDANG-UNDANG KECIL BAYARAN DENDA (LESEN) (MAJLIS DAERAH PEKAN) 2000**

Tarikh penyiaran:
Tarikh mula berkuatkuasa:

3 Februari 2000
1 Januari 1990

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

Undang-Undang Kecil 1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
Undang-Undang Kecil 2. Kesalahan.
Undang-Undang Kecil 3. Penalti.

JADUAL

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 104 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pekan membuat dan mengikut peruntukan seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-Undang Kecil berikut-

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bayaran Denda (Lesen) (Majlis Daerah Pekan) 2000** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1990.

2. Kesalahan.

Tiada seorangpun boleh menggunakan mana-mana premis untuk tujuan menjalankan mana-mana tred atau perniagaan tanpa mendapatkan lesen yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Pekan terlebih dahulu.

3. Penalti.

Seseorang yang bertindak berlawanan dengan perenggan 2 Undang-Undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah dikenakan denda oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Pekan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya seperti yang ditetapkan dalam Jadual.

JADUAL

- | | |
|--|--|
| (a) Tidak lebih daripada 1 bulan | 10% daripada bayaran lesen tahunan sepatutnya |
| (b) Melebihi 1 bulan tetapi tidak lebih daripada 2 bulan | 20% daripada bayaran lesen tahunan sepatutnya |
| (c) Melebihi 2 bulan | 30% daripada bayaran lesen tahunan sepatutnya. |

Diperbuat 28 Disember 1994.

ABDUL MALEK B. HAJI ABDUL MAJID,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Pekan

Disahkan 23 Januari 1995.
[SUK. Phg. (KT) 5623 Sj. 2.]

MOHD NOOR BIN ABDUL RANI,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang